



MENTERI KANAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

TIADA KENAIKAN TOL BAGI PENGGUNA EMPAT LEBUH RAYA MELALUI CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA EMPAT SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA DI SEKITAR LEMBAH KLANG

KUALA LUMPUR - Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penstruktur semula yang melibatkan empat syarikat konsesi lebuhraya di sekitar Lembah Klang di mana tiada lagi kenaikan kadar tol bagi keempat-empat buah lebuhraya berkenaan. Pihak Kerajaan mengalu-alukan pihak swasta untuk tampil dengan terma sedemikian, di mana tiada sebarang kenaikan kadar tol dan pihak syarikat konsesi akan memulangkan lebuhraya kepada Kerajaan **sejurus setelah melunaskan hutang kewangannya**. Penambahbaikan ini bakal memberikan suatu kelegaan kepada rakyat di samping memenuhi obligasi kepada pihak pelabur.

Syarikat-syarikat konsesi yang terlibat dalam proses penstruktur semula ini adalah seperti yang berikut:

SYARIKAT KONSESI	LEBUH RAYA
KESAS SDN BHD	KESAS
LINGKARAN TRANS KOTA SDN BHD	LDP
SISTEM PENYURAIAH TRAFIK KL BARAT SDN BHD	SPRINT
SYARIKAT MENGURUS AIR BANJIR DAN TEROWONG SDN BHD	SMART

Pengguna lebuhraya-lebuhraya berkenaan tidak perlu lagi khuatir akan kebarangkalian kenaikan kadar tol dan Kerajaan juga tidak perlu lagi menggunakan hasil kutipan cukai daripada rakyat untuk membayar pampasan kepada syarikat konsesi.

Pada hari ini, suatu syarikat swasta iaitu Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad (“ALR”) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Azlan Mohd Zainol di mana kesemua pemegang saham ALR ini tidak berasaskan keuntungan (“not-for-profit”), telahpun menawarkan untuk membeli 100% kesemua empat syarikat konsesi tersebut. Melalui kaedah penstruktur semula ini, tiada lagi pemegang saham yang berorientasikan keuntungan yang akan melibatkan pulangan kepada pemegang saham dalam apa juu bentuk (seperti dividen). Pemegang-pemegang saham sedia ada pula yang antaranya terdiri daripada KWSP, KWAP, PNBM dan Lembaga Tabung Haji akan mendapat pulangan daripada pelburannya lebih awal daripada sepatutnya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR.MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



MENTERI KANAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Kerajaan juga tidak boleh mengabaikan obligasinya di dalam Perjanjian Konsesi sedia ada kerana ianya akan memberikan imej negatif kepada para pelabur yang akan menyebabkan kekurangan minat pelabur untuk melabur di Malaysia. Jika ini berlaku maka pelaburan di dalam negara akan berkurang dan akan menyebabkan rakyat menghadapi kesukaran. Ini selaras dengan Dasar Penswastaan, di mana syarikat swasta masih lagi bertanggungjawab mengendalikan operasi dan menyenggara lebuh raya berkenaan. Kerajaan juga telah memastikan bahawa ALR perlu menyerap kesemua kakitangan sedia ada yang sedang berkhidmat di bawah keempat-empat syarikat konsesi berkaitan. Dengan itu, tiada isu pembuangan pekerja berhubung cadangan penstrukturran ini. Justeru, status bagi kesemua pekerja di bawah syarikat-syarikat konsesi ini adalah terjamin.

Jika dibandingkan dengan cadangan sebelum ini, ianya melibatkan Jaminan Kerajaan, pengambilalihan syarikat serta keseluruhan entiti lebuh raya (*nationalisation*) serta kemungkinan lanjutan tempoh konsesi. Kaedah ini adalah bercanggah dengan Dasar Penswastaan yang mana ianya akan memberi implikasi negatif kepada para pelabur.

Dengan cadangan penstrukturran semula ini, tiada lagi kenaikan kadar tol sehingga tamat tempoh konsesi bagi keempat-empat lebuh raya terlibat dibandingkan dengan peruntukan perjanjian konsesi asal yang memperuntukan kenaikan tol bagi lebuh raya-lebuh raya berkenaan secara berkala di antara 5 ke 7 tahun mengikut perjanjian konsesi masing-masing.

Kerajaan tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan bagi transaksi ini. Kerajaan juga tidak memberikan sebarang jaminan untuk pembiayaan ALR bagi cadangan penstrukturran semula ini dan Kerajaan juga tidak perlu menanggung sebarang kos penyenggaraan dan operasi dengan penstrukturran semula ini. Syor pihak ALR untuk mengekalkan kadar tol melalui Perjanjian Konsesi Tambahan adalah melibatkan semua kelas kenderaan bagi keempat-empat syarikat konsesi tersebut.

Bagi membantu ALR mencapai objektif penubuhannya, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pelanjutan tempoh konsesi kepada KESAS, LDP, SPRINT dan SMART sebagai balasan tidak menaikkan kadar tol. Namun, lanjutan tempoh konsesi ini **BUKANLAH** hak eksklusif syarikat konsesi dan tertakluk kepada bilangan trafik serta analisa oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

Dengan pelaksanaan penstrukturran semula ini, Kerajaan akan dapat menjimatkan pembayaran pampasan dari 1 Januari 2022 sehingga tamat tempoh konsesi. Penjimatan bersih bagi pembayaran pampasan subsidi tol untuk keempat-empat lebuh raya tersebut adalah dianggarkan sebanyak **RM4.3 billion**. Penjimatan ini boleh dimanfaatkan bagi

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR.MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



MENTERI KANAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

tujuan kesejahteraan rakyat yang perlu diutamakan antaranya kemudahan infrastruktur negara serta lain-lain kemudahan kepada rakyat.

Amanat dan prinsip penstrukturuan ALR ini adalah selaras dengan prinsip Keluarga Malaysia yang sentiasa mendahuluikan keperluan dan kepentingan rakyat. Usaha ALR untuk memuktamadkan pembelian syarikat-syarikat konsesi lebuh raya ini adalah merupakan suatu inisiatif cadangan penstrukturuan daripada pihak swasta yang memberikan situasi menang-menang serta menguntungkan Kerajaan dan rakyat juga.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI FADILLAH YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

4 APRIL 2022